

Anwar tegur media gelar Hamas pengganas

Dari Muka 1

Menyeru semua parti politik dan rakyat bersolidariti dalam isu Palestin, Anwar mengingatkan agar dalam mendepani isu Palestin tidak sewajarnya ia mempermainkannya sebagai bahan politik.

Perdana Menteri turut menjelaskan, beliau sendiri membawa isu Palestin ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), Julai lalu.

“Faham sedikit dalam hal ini, jangan memainkan sebagai bahan politik tak kira parti harus bersama memberikan sokongan supaya rakyat Malaysia dan dunia tahu Malaysia satu suara menyokong perjuangan Palestin.

“Ini pendirian dibuat supaya jelas kepada kita, walaupun saya katakan tadi (semalam) Amerika Syarikat buat keputusan unilateral.

“(Tapi) kenyataan kita tak setuju dan keduanya tak memberi kesan saya sudah beritahu tak akan terima bila ada ugutan, termasuk ini,” katanya.

Serentak itu, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran) dan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) memperti-

kaikan penggunaan perkataan biadap dalam Dewan sebelum Speaker, Tan Sri Johari Abdul turut menyampuk.

“Kalau baca kenyataan, saya minta Beluran baca *Harakah*, gambar saya dengan bendera Israel di belakang. Mana boleh Dewan Ulama macam itu,” kata Anwar.

Datuk Ahmad Saad @ Yahaya (PN-Pokok Sena) iaitu Ketua Dewan Ulama PAS, kemudian bangun meminta Anwar menarik perkataan biadap dan kurang ajar berkenaan sebelum di celah Howard Lee (PH-Ipoh Timor).

Ahmad berkata, laporan portal rasmi PAS itu bukan bersifat tuduhan kerana ada tanda soal di akhir tajuknya.

“Itu (kenyataan dan laporan yang diterbitkan) adalah satu persoalan, bukan tuduhan,” katanya yang turut meminta Perdana Menteri menarik balik tuduhan biadap dan kurang ajar terhadapnya.

Anwar kemudian menjelaskan mengapa beliau terguris dengan isu itu, selain meminta *Harakah* membetulkan artikel berkenaan.

“Mengapa saya marah gambar saya dibelakangnya bendera

Israel jadi YB harus faham YB pun rasa keras marah dengan Israel, saya pun begitu.

“Jadi dibuat begitu walaupun tiada caption (keterangan gambar) saya rasa *Harakah* boleh betulkan. Tak apa nak tegur, marah kritik saya. Saya terima dengan baik tapi yang ini jangan... jadi kalau begitu penjelasan YB saya ucap terima kasih, kita *move on* sajalah,” katanya.

Cetuskan kegelisahan

Sementara itu, Anwar juga menegur beberapa pihak, terutama media di negara ini yang menggelar Hamas sebagai pengganas atau militan hingga mencetuskan kegelisahan dan sensitiviti rakyat yang menyokong perjuangan Palestin.

Teguran itu dibuat selepas Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) meminta Perdana Menteri berbuat demikian ke atas media, terutama media berbahasa Mandarin dan Inggeris yang menggelar Hamas sebagai militan atau pengganas.

“Sebab itu dalam jawapan saya minggu lalu saya sengaja kaitkan mengenai kedudukan Kristian yang jadi mangsa ke-

ganasan Yahudi supaya rakyat Malaysia tahu, orang Islam atau bukan Islam tahu ini ia adalah isu kemanusiaan dan kezaliman dilakukan (Israel).

“Jadi, berkait gesaan Yang Berhormat, saya setuju meng-

ingatkan rakyat, semua media, bahawa ada yang dikatakan legitimate hak asas, bermaksud mana-mana negara yang dijajah, yang dizalimi, berhak, contoh terbaik, Kongres Kebangsaan Afrika (ANC),” katanya.